

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KETIGA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN CHAN MING KAI [ALOR SETAR]

TARIKH : 13 JULAI 2020 (ISNIN)

SOALAN

Minta **PERDANA MENTERI** menyatakan perkembangan terkini mengenai keputusan memberi hak bekerja secara sah kepada orang pelarian dan apakah kandungan polisi yang dicadangkan

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan telah melantik Kementerian Sumber Manusia untuk mengetuai satu jawatankuasa yang dipertanggungjawabkan untuk meneliti mengenai isu kebenaran bekerja kepada pelarian. Keputusan dasar mengenai perkara ini hanya akan dimaklumkan setelah kerajaan melaksanakan penelitian terperinci terhadap kebolehlaksanaan program serta impaknya kepada rakyat tempatan.
2. Pada masa ini, pelarian yang memegang kad UNHCR hanya dibenarkan untuk bekerja dalam sektor tidak formal seperti bekerja sendiri bagi tujuan sara hidup. Walaubagaimanapun, Projek Rintis Kebenaran Bekerja kepada pelarian etnik Rohingya Myanmar di Syarikat Gardenia sedang dilaksanakan melibatkan 93 orang pelarian.

Sekian, terima kasih.